

6 Berita UMS



Majlis Penutupan MPI yang bertempat di Dewan Resital, UMS

Foto Oleh NurFarahaamni Haamsir

Program Sambutan Minggu Penghayatan Islam (MPI), 2017

Oleh Nur Farahaamni Haamsir

farahlala95@gmail.com

KOTA KINABALU, 12 MAC- Kelab Rakan Masjid (KRM) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah telah mengadakan majlis sambutan Minggu Penghayatan Islam pada 8-12 Mac, bertempat di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Program ini dianjurkan bertujuan untuk menggalakan lagi penglibatan siswa dan siswi UMS dalam aktiviti-aktiviti kerohanian, serta merupakan pendedahan ilmu kepada pelajar yang bukan beragama Islam.

Pengarah program, Mohd Syukri Ismail, pelajar jurusan pengurusan kewangan perbankan tahun 3, dalam ucapannya berkata " pada kali ini MPI dianjurkan dibawah kerjasama KRM dan Exco kehoohanian dari MPP, UMS. Buat pertama kalinya juga MPI dianjurkan selama 5 hari, iaitu dalam tempoh yang agak panjang dari sebelumnya". Acara pembukaan program dimulakan pada 8 Mac dengan pelbagai aktiviti menarik iaitu Pameran Tamadun Islam yang dibuka untuk semua pelajar Islam dan bukan Islam juga orang awam.

Diikuti dengan Bengkel Fiqh Solat pada 9 Mac, Klinik Al-Fatihah, pertandingan Azan, Tilawah dan Hafazan pada 10 Mac, Mosque Open Day yang juga menerima sambutan daripada pelancong-pelancong luar, Pertandingan Daie, Khat, dan Lagu Islamik pada 11 Mac. Program diakhiri dengan acara besar-besaran

iaitu Konvensyen Fiqh Borneo 4.0, 12 Mac, bertempat di Dewan Resital UMS, yang turut dimei-riahkan oleh penceramah jemputan Ustaz Mohd Rafizal Zulkifli, pakar fiqh jenayah Malaysia, dan Ustaz Abdul Malik Abdul Karim, mantan penasihat Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir.

Hadirin dan Hadirat yang memenuhi Dewan Resital juga disajikan dengan bacaan Al-Quran yang indah daripada juara pertandingan tilawah AlQuran saudara Amirul Afiq Abdullah. Majlis juga diteruskan dengan penutupan MPI serta penyampaian hadiah. Pihak pengurusan program iaitu KRM dan MPP menghadapi sedikit masalah apabila salah satu aktiviti mereka terpaksa ditukar tempat diakhir masa. Timbalan pengarah 2 program MPI, Ardillah Muhamad, pelajar jurusan pendidikan dan ekonomi, tahun 3, ketika ditemuramah berkata

" Kami memohon maaf atas pertukaran tempat tersebut yang terpaksa kami lakukan kerana berlaku sedikit masalah ditempat asal pertandingan, diharap ini tidak akan menjejaskan sambutan program kami dimasa hadapan".

Bercakap dalam ucapannya ketika majlis penutupan MPI, Syukri Ismail turut menyampaikan terima kasih " Jutaan terima kasih juga kepada mana-mana pihak terlibat meraikan MPI kali ni. Mudah-mudahan, Islam subur dimuka bumi ini seperti sabda Rasulullah, l"slam itu tinggi dan tidak ada yang tinggi selain daripadanya " (HR Al-Baihaqi)". Pihak penganjur MPI itu juga berharap agar MPI akan mendapat lebih banyak sambutan dan penyertaan untuk anjuran berikutnya, dan mereka juga merancang akan memilih tarikh dan tempat yang lebih sesuai dengan masa dan tumpuan pelajar bagi program mereka yang akan datang.